

Tuaniku berkenan ke majlis hafazan

SEREMBAN - Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Tuaniku Muhriz Ibi Almarhum Tuaniku Munawir berkenan berangkat ke majlis penutup Hafazan al-Quran peringkat negeri di Pusat Dakwah Islamiah Paroi, malam kelmarin.

Ketibaan Tuaniku Muhriz disambut oleh Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan; Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Dr. Awaludin Said; Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Mat Ali Hassan dan barisan Exco kerajaan negeri.

Mohamad dalam ucapannya berkata, program tahunan berbentuk agama yang diadakan kerajaan negeri menerusi Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri ini mencerminkan keprihatinan kerajaan dalam mengimarahkan bacaan al-Quran.

"Menerusi program sebegini, ia menjadi platform kita dalam mengenal pasti para huffaz berkaliiber dan seterusnya dapat melahirkan generasi huffaz yang bakal menjadi tonggak kepada kepimpinan negeri dan negara pada masa depan," katanya.

Tuaniku Muhriz kemudian berkenan menyampaikan hadiah per-



Tuaniku Muhriz berkenan menyampaikan hadiah kepada pemenang dalam majlis penutup Hafazan al-Quran peringkat negeri di Pusat Dakwah Islamiah, Paroi, Negeri Sembilan, baru-baru ini. Turut kelihatan Mohamad Hasan (dua, kiri).

tandingan menghafaz Al-Quran.

Pelajar Maahad Tahfiz al-Tohiriah Port Dickson, Mohamad Omar Mansu muncul johan bagi kategori juzuk 1-30 (lelaki) dan naib johan dimenangi Muhammad Afiq Azharuddin manakala di tempat ketiga, Sy. Muhammad Izuddin Sy. Rohaizat.

Bagi kategori juzuk 1-30 (perempuan) dimenangi pelajar jurusan perubatan Universiti Sains Islam Malaysia, Norzuhairah Rusmani manakala para hakim pertandingan memutuskan tiada peserta yang layak untuk naib johan dan tempat ketiga.

Sementara itu, johan bagi kategori juzuk 1-20 (lelaki) telah dimenangi Muhammad Syazani Jemy, naib johan, Mohd. Shukri Mohd. Yusof dan tempat ketiga dimenangi Muhammad Hariz Mohd. Jamil.

Johan wanita bagi kategori sama disandang oleh Nur Syafikah Abd. Aziz, naib johan, Syaurah Ishak dan tempat ketiga, Nur Husna Mohd. Yasin.

Kesemua para pemenang membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah antara RM700 dan RM3,000, piala iringan serta sijil penyertaan.